

SULIT*

SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DA1 **946/3** DALAM SEGAMAT JOHOR BI **PERCUBAAN** JOHOR
SMK DA1 DALAM SEGAMAT JOHOR BI **STPM 2016** JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR BI JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM S **PENGAJIAN PERNIAGAAN** ALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM S **PERNIAMATHEMATICS T** ALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR **PENGGAL 3** BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR **(1 jam 45 minit)** BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR
SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR SMK DATO' BENTARA DALAM SEGAMAT JOHOR

SMK DATO' BENTARA DALAM, SEGAMAT, JOHOR

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan **Soalan 2** di Bahagian B.

Jawab mana-mana **satu (1)** soalan pada **Soalan 3** di Bahagian B.

Semua kerja penghitungan hendaklah ditunjukkan dengan jelas.

Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [].

SULIT*

Kertas soalan ini terdiri daripada 4 halaman bercetak
© SMK Dato' Bentara Dalam, Segamat, Johor 2016

STPM 946/3**[Lihat sebelah]
SULIT***

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat.

- 1 (a) Jelaskan **dua** peranan usahawan menurut pendekatan ekonomi dalam teori keusahawanan. [6]
- (b) Huraikan **tiga** ciri usahawan yang efektif berdasarkan Stephen Covey. [6]
- Tukaran asing
 - Guna tenaga
- (c) Huraikan kepentingan perkara di atas terhadap ekonomi dalam perniagaan antarabangsa. [4]
- (d) Berikan takrif.
- (i) *penswastaan* [2]
- (ii) *nasionalisasi* [2]
- (iii) *globalisasi* [2]
- (e) Huraikan dua tahap perniagaan antarabangsa. [4]
- (f) Jelaskan bagaimana Syarikat Hi Ace, iaitu sebuah syarikat pengeluar kasut sukan jenama tempatan boleh menceburi perniagaan antarabangsa melalui :
- (i) Pelesenan [3]
- (ii) Kontrak pengeluaran [3]
- (g) Huraikan **dua** kesan kadar pertukaran wang asing dalam urusan perniagaan antarabangsa. [4]
- (h) Huraikan **dua** kaedah perlindungan perdagangan yang dapat melindungi industri baharu di Malaysia. [4]
- (i) Berikan **tiga** jenis kesalahan rasuah mengikut seksyen dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009. [6]
- (j) Huraikan **dua** amalan beretika seseorang pengusaha restoran kepada pelanggan. [4]

946/3

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

SULIT***Bahagian B [50 Markah]***Jawab semua soalan***Nestlé : Menjana Nilai Bersama**

2. Syarikat Nestlé telah beroperasi secara komersial di Malaysia sejak tahun 1912. Syarikat ini telah mengeluarkan lebih daripada 500 produk halal dengan jenama terkenal, seperti MILO, MAGGI, dan NESCAFE. Syarikat ini memperkenalkan falsafah perniagaan, iaitu Menjana Nilai Bersama (MNB), yang mencerminkan usaha syarikat untuk membina hubungan yang berkekalan dengan pihak yang berkepentingan. Syarikat Nestlé melalui rangkaian Kajian dan Pembangunan (R&D) telah memperoleh kepercayaan daripada para pengguna bahawa produk pemakanannya adalah baik untuk kesihatan, lazat, dan berkhasiat sejajar dengan misi “*Good food, Good Life*”.

Syarikat Nestlé dengan kerjasama pelbagai pihak telah menganjurkan pelbagai program yang menggalakkan gaya hidup dan pemakanan sihat, seperti program Hari Sarapan Malaysia, Simposium Mengurus Diabetes, dan Program *Nestlé Healthy Kids*. Program ini disasarkan kepada pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Guru-guru juga turut didedahkan tentang perkembangan terkini masalah pemakanan dalam kalangan kanak-kanak sekolah dan kepentingan pemakanan dalam mencegah penyakit melalui siri seminar yang dianjurkan. Syarikat Nestlé juga turut memberikan derma kepada badan kebajikan terpilih, seperti Rumah Nur Raudah di Kuala Lumpur, Persatuan Kanak-Kanak Cacat Akal (Wisma Harapan) Selangor dan Wilayah Persekutuan, Persatuan Kanak-Kanak Istimewa di Hulu Langat, Selangor dan badan-badan kebajikan lain kerana pihak pengurusan Syarikat Nestlé juga amat prihatin terhadap warga kerja dan keluarga mereka. Sejak tahun 1978, pihak pengurusan Syarikat Nestlé telah memberikan bantuan pendidikan kepada hamper 200 anak warga kerja dan pesara mereka. Pada tahun 2013, seramai 40 orang pelajar yang terdiri daripada pekerja atau anak pekerja syarikat telah menerima Anugerah Biasiswa Nestlé, antaranya ialah Program Kesejahteraan Nestlé untuk menggalakkan tabiat pemakanan, dan gaya hidup sihat. Program Pengurusan Tekanan Holistik turut dianjurkan dengan tujuan untuk mendidik pekerja menguruskan tekanan diri. Pemberian buah-buahan kepada pekerja, kelas aerobik, sesi latihan kesedaran keselamatan, pemeriksaan kesihatan dan ceramah kesihatan adalah antara program lain yang dilaksanakan oleh Syarikat Nestlé untuk kesejahteraan warga kerja mereka.

SULIT*

Komitmen Syarikat Nestlé terhadap penjagaan alam sekitar adalah tinggi. Hal ini demikian kerana syarikat sangat bergantung terhadap bahan mentah, air, dan sumber tenaga yang digunakan untuk menghasilkan produknya. Pengurangan tenaga dilakukan dengan memberikan kesedaran kepada pekerja kilang untuk meningkatkan kecekapan proses seterusnya memaksimumkan kecekapan penggunaan tenaga dengan mematikan peralatan apabila tidak digunakan. Bagi mengelakkan pencemaran disebabkan oleh sisa pepejal, Syarikat Nestlé melaksanakan pelbagai amalan kitar semula antaranya mengasingkan sisa bungkusan, menukarkan sisa enap cemar kepada baja organik, menukarkan sisa makanan dan pulangan pasaran di gudang pusat kepada makanan ternakan. Akhirnya Syarikat Nestlé mencapai kejayaan status sifar sisa hingga ke tapak pelupusan sampah. Projek RiLeaf yang dilancarkan pada tahun 2011 merupakan projek penghutan semula. Projek ini merangkumi penanam 180,157 batang pokok di sepanjang Sungai Kinabatangan, Sabah. Projek ini diadakan dengan tujuan untuk mencapai kesinambungan hutan, mengurangkan pencemaran air kepada kemendapan, dan sisa buangan pertanian. Berpandukan falsafah MNB, Syarikat Nestlé telah terlibat dengan komuniti pertanian tempatan di seluruh negara melalui pelbagai projek perladangan kontrak untuk mendapatkan bekalan bahan mentah bagi menghasilkan produk syarikat. Kelab Padi Nestlé (KPN) yang telah ditubuhkan pada tahun 2010 di Kerpan, Kedah telah berkembang dengan pesatnya. Ia telah memberikan manfaat yang banyak kepada Syarikat Nestlé, alam sekitar, dan pendapatan pesawah melalui penggunaan mikro organik. Penggunaan kaedah baharu penanaman padi yang dibimbing oleh Syarikat Nestlé bukan sahaja menjimatkan penggunaan air tetapi juga mengurangkan jumlah gas rumah hijau yang dikeluarkan dari ladang padi. Pada tahun 2013, Syarikat Nestlé Malaysia meraih tempat kedua dalam kategori Inisiatif Terbaik Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).

(Sumber: Disesuaikan daripada <http://www.Nestlé.com>/CSR Nestlé, dicapai pada 22 Jun 2013)

Berdasarkan kes di atas,

- (a) terangkan pihak-pihak yang berkepentingan kepada Syarikat Nestlé dan tanggungjawab sosial Syarikat Nestlé kepada pihak berkepentingan tersebut, [16]
- (b) jelaskan peranan Syarikat Nestlé terhadap alam sekitar, dan [15]
- (c) berikatkan empat kebaikan yang diperolehi Syarikat Nestlé hasil daripada “berbuat baik kepada masyarakat”. [4]

3 *Jawab satu soalan sahaja, sama ada soalan 3(a) atau soalan 3(b).*

- (a) Jelaskan lima peranan seseorang usahawan kepada masyarakat tempatan. [15]

ATAU

- (b) Jelaskan lima kepentingan rancangan perniagaan. [15]

946/3

* Kertas soalan ini SULIT sehingga peperiksaan kertas ini tamat

SULIT*

SULIT*